

Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan:

1-300-88-6982



NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

**PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN JELEBU BERIKUTAN
KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LOJI RAWATAN AIR (LRA) TITI PADA 17 JUN 2025**

Pihak Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa penutupan sementara bekalan air akan dilaksanakan dan dijangka mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di daerah Jelebu seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

Tarikh : 17 Jun 2025 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi (17 Jun 2025) – 8.00 pagi (18 Jun 2025)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah kontingensi
Lokasi: LRA Titi, Jelebu Jenis kerja: Kerja-kerja penyelenggaraan pencucian tangki air bersih dan tangki flokulasi	Sebahagian Daerah Jelebu: Estate Titi Jelebu, Tmn. Sri Chempedak, Tmn. Irama, Tmn. Jati Ladang Jelebu, Tmn. Pekan Baru, Tmn. Sri Kenaboi, Tmn. Bukit Kempas, FELDA Titi, Kg. Sepri, Tmn. Titi, Tmn. Sri Jelebu, Kg. Semarak Singkong, Tmn. Nagamas, Tmn. Abdullah Titi, Tmn. Hosapa Titi, Pasar Titi, Rumah Murah Hosapa Titi, Tmn. Mawar, Kim Loong Titi, Mah Fong Titi, Siow Piong Kiow Titi, Sg. Rotan 1, Sg. Rotan 2, Pusat Serenti Titi, Sungai Muntoh, Ladang Jelebu, Kg. Chennah Kenaboi, Kolej Vokasional Kuala Klawang, Tmn. Bukit Mahogani, Kg. Ulu Seperi, Institut Penyelidikan Perikanan Titi, Jln. Jelondong, Kg. Baru Ladang Jelebu, Kolej Komuniti Jelebu, MRSM Kuala Klawang, Mukasauk Petaseh, Jln. Mukasauk Petasih, Rumah Kakitangan FELCRA Purun, Jln. Kongkoi, Penjara Jelebu, Gelami Lemi, Institut Latihan Islam Malaysia (Pusat Akidah), Taman Angsana, Pekan Baru Titi, Kg. Poun, Jln. Bukit Ceriau	<ul style="list-style-type: none">• Penghantaran lori tangki• Penempatan tangki statik <p>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)</p>

Bekalan air akan mula disalurkan semula setelah kerja-kerja di tapak siap sepenuhnya. Tempoh pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat namun kawasan tinggi dan penghujung sistem agihan berkemungkinan akan mengalami tempoh pemulihan yang lebih lama.

Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan boleh menghubungi talian **1-300-88-6982** untuk sebarang maklumat lanjut dan bantuan bekalan air untuk kes kecemasan semasa dalam tempoh gangguan.

Komunikasi Korporat
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.